

Headline **UPM anjur pameran rekaan, penyelidikan, inovasi**
Date **25. Jun 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **16**
Section **Dlm Negeri** Article Size **63** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



UPM anjur pameran rekaan, penyelidikan, inovasi

KUALA LUMPUR 24 Jun - Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan Pameran Rekaan, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI 08) ke-enam pada 29, 30, dan 31 Julai ini, bagi menggalakkan pertumbuhan aspek Penyelidikan dan Pembangunannya (R&D).

Pengerusi PRPI 08 Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli dalam satu kenyataan hari ini berkata pameran itu akan berlangsung di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, dengan tema tahun ini "Budaya Penyelidikan Impak Tinggi".

Beliau berkata acara tahunan itu akan mengetengahkan lebih 300 rekaan inovatif yang pernah menerima anugerah di peringkat antarabangsa mahupun nasional dari pelbagai disiplin, produk-produk komersil UPM dan ceramah mengenai paten serta harta benda intelek.

Menurutnya beliau menjangka lebih 2,000 pelawat yang terdiri daripada kalangan pelajar sekolah, petugas bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, serta kalangan korporat, akan menghadiri pameran itu.

- Bernama